

Jaminan bekalan makanan mencukupi

Apakah jaminan bekalan makanan di negara ini mencukupi? Jika berlaku sebarang kekacauan atau negara ditimpa musibah atau malapetaka adakah rakyat mampu meneruskan hidup berdasarkan jumlah import makanan yang tinggi, iaitu antara RM13 dan RM14 bilion setahun. Jumlah itu amat besar walaupun rakyat Malaysia ketika ini hanya sekitar kira-kira 30 juta.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsuddin, berkata negara mempunyai bekalan makanan mencukupi dan tidak perlu bimbang berlakunya kekurangan makanan walaupun jumlah import amat tinggi.

Rakyat usah bimbang

"Ini adalah satu jaminan, supaya rakyat tidak bimbang apatah lagi panik kerana negara memiliki bekalan makanan asas yang lebih daripada cukup.

"Contohnya, ayam dan telur lebih daripada mencukupi, malah dieksport ke negara jiran khususnya Singapura.

"Bagaimanapun, daging biri-biri

Tingkat program R&D dapat hasil lebih bermutu tinggi, produk baharu yang lebih baik

dan lembu tidak mencukupi dan diimport dari New Zealand dan Australia, manakala daging kerbau banyak diimport dari India.

"Kita hanya mengeluarkan 29 peratus daging lembu sendiri, daging kambing (11 peratus) dan susu, lima peratus. Jumlah ini terlalu sedikit berbanding kegunaan rakyat yang tinggi berikutan kemampuan kuasa beli lebih tinggi untuk mendapatkan produk ini," katanya.

Justeru, New Zealand paling banyak mengeksport produk tenusu, daging biri-biri ke negara ini dan sebagai timbal balik, sawit diimport dari Malaysia dengan

jumlah besar.

Mengenai beras, katanya Malaysia hanya menghasilkan 70 peratus daripada kegunaan kerana kos yang tinggi untuk pengeluaran menyebabkan 30 peratus lagi terpaksa diimport dari negara jiran khususnya Thailand dan Vietnam kerana kos di negara itu yang jauh lebih murah.

"Bagi buah-buahan, kita menghasilkan 60 peratus dan sayur-sayuran 40 peratus sahaja, manakala selebihnya juga diimport dari negara pertanian lain seperti New Zealand, Australia, Indonesia (Brastagi) dan China," katanya.

Beliau yang juga Pakar Ekonomi Pertanian dan Sumber berkata, Malaysia sebenarnya memiliki kemantapan yang begitu tinggi walaupun ada banyak tohmahan daripada pihak tidak bertanggungjawab yang sengaja mengelirukan rakyat.

"Mengikut data Pertubuhan Makanan Sedunia (FAO), pengeluaran makanan dunia tidak bertambah dan tidak seiring dengan penggunaan yang semakin meningkat akibat pertambahan penduduk. Perubahan cuaca pula menjadi faktor utama makanan asas gagal dihasilkan dengan baik," katanya.

Malaysia mengeksport utama minyak sawit dunia.

Sebagai perbandingan, dalam era tahun 1980-an dan 1990-an, jumlah pertumbuhan makanan yang dihasilkan adalah dua peratus. Ia dijangka menurun kepada 1.6 peratus pada tahun 2000 hingga 2015, manakala antara tahun 2015 dan 2030 dijangka hanya 1.3 peratus.

"Pertumbuhan penduduk dunia pada tahun 2015 dijangkakan 7.3



SERI INTAN OTHMAN

intan@bh.com.my





Negara mengeluarkan 29 peratus daging lembu sendiri.



adalah agak kecil, tetapi pertumbuhan pendapatan mendahului penawaran.

“Apa yang menjadi isu utama ialah kenapa Malaysia kurang menumpukan perhatian kepada Penyelidikan dan Pembangunan (R&D),” katanya.

Mengikut data pelaburan R&D Malaysia, hanya 1.58 peratus daripada peruntukan bajet adalah untuk kegiatan itu berbanding Jepun (3.62 peratus), Australia (3.30 peratus) dan Amerika Syarikat (2.6 peratus).

Sektor pertanian dan pengeluaran makanan perlu meningkatkan program R&D untuk mendapatkan hasil lebih bermutu tinggi atau produk baharu yang lebih baik.

Cabaran perubahan iklim

Mengenai cabaran perubahan iklim, Mad Nasir berkata, ia berlaku sejak zaman Ice Age lagi dan akan berterusan berlaku. Contohnya meningkatnya kadar karbon dioksid di atmosfera, disebabkan penggunaan kenderaan yang semakin meningkat.

“Kita juga perlu melihat bahawa sektor pertanian bukan sekadar menghasilkan bahan makanan, tetapi biodiesel dan biofuel daripada sawit contohnya bagi menghadapi kemungkinan berlakunya kekurangan petrol seperti yang berlaku pada 1988 apabila harga bahan itu mencatatkan paras tertinggi AS\$170 setong,” katanya.

Kegunaan sawit boleh dipelbagaikan dan Malaysia akan terus menjadi pengeluar utama dunia dan ini sebenarnya satu anugerah yang perlu dihargai kerana bukan semua negara boleh menanamnya.

bilion, manakala pada tahun 2020 bertambah kepada 7.7 bilion,” katanya.

Ini bermakna kadar pertambahan jumlah penduduk adalah lebih tinggi daripada kadar pengeluaran makanan dunia akibat perubahan iklim mendadak dan tidak kurang disebabkan banyak berlaku bencana alam yang serius.

Pengeksport utama minyak sawit

Beliau berkata, sawit tidak dikira makanan, tetapi komoditi walaupun hakikatnya ia dijadikan minyak masak, dan ia adalah antara faktor mengapa jumlah eksport makanan Malaysia agak kecil walaupun masih menjadi pengeksport utama minyak sawit dunia.

Mengenai masalah pertumbuhan penduduk, ia bukan masalah besar kepada Malaysia kerana ia

Fungsi UPM kembangkan sektor pertanian

Usaha perlu dilakukan untuk memastikan bekalan makanan di negara ini sentiasa cukup menerusi pelbagai program baru. Antaranya menghasilkan makanan dalam tin yang bermutu tinggi serta tahan lama sebagai stok dalam usaha melindungi golongan berpendapatan rendah jika berlakunya sebarang bencana.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin, berkata stok penimbal juga perlu ada supaya makanan tidak pernah kehabisan.

Beliau berkata, usaha lebih serius perlu dilakukan. Untuk itu UPM berfungsi sebagai universiti yang memberi fokus kepada pertanian sejajar dengan sejarah penubuhannya pada tahun 1931 yang bermula sebagai Sekolah Pertanian.

Apabila ditukar status kepada Universiti Pertanian Malaysia, semua kursus ditawarkan adalah 100 peratus berasaskan pertanian, dan kini walaupun tinggal hanya 50 peratus, fungsinya membangunkan sektor itu tetap penting dan diutamakan.

Tujuh fakulti berasaskan pertanian

Ketika ini tujuh daripada 16 fakultinya masih berasaskan pertanian termasuk Pertanian; Sains dan Teknologi Makanan; Bioteknologi dan Sains Molekular; Perubatan Veterinar; Perhutanan; Pengajian Alam Sekitar dan Pertanian; serta Sains Pemakanan di kampus Bintulu.

Lima daripada institut kajiannya juga adalah berasaskan pertanian iaitu Pertanian Tropika; Biosains; Kajian Dasar Pemakanan dan Pertanian; Produk Halal serta Produk Hutan Tropika.



“Pertanian Bandaran diberi fokus utama dalam mengatasi masalah kekurangan makanan dan kemiskinan bandar dengan pelbagai projek sudah bermula dan menampakkan hasil memberangsangkan”

Mad Nasir Shamsudin
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UPM

Selain itu, kata Mad Nasir, pusat pengajian UPM turut memberi fokus kepada sektor pertanian termasuk Pusat Transformasi Universiti dan Komuniti (UCTC); Taman Pertanian; Hospital Veterinar; Pusat Kecemerlangan Teknologi Pertanian Pintar dan Pusat Penyelidikan Sains Ekosistem Perhutanan Tropika.

Beliau berkata, Pertanian Bandaran diberi fokus utama dalam mengatasi masalah kekurangan makanan dan kemiskinan bandar dengan pelbagai projek sudah pun bermula dan menampakkan hasil memberangsangkan.

“Sasaran projek ini ialah tujuh juta isi rumah (lima orang

dalam satu keluarga) yang mana 60 peratus adalah mereka yang tinggal di bandar yang mendiami rumah pangsa,” katanya.

Sejak dilancarkan setahun lalu, ia membuahkan hasil dengan gabungan kepakaran UPM, komuniti setempat dan agensi kerajaan.

“Jika sehari RM3 dijimatkan membeli sayur, kami menjangka RM3.15 juta boleh dijimatkan. Program Inkubasi Usahawan Tani juga antara fokus utama, yang mana sesuatu projek itu diberi masa enam bulan untuk pakar UPM, usahawan dan agensi kerajaan berkaitan bergabung tenaga untuk menjayakannya. Selepas tempoh itu barulah usahawan terbabit berdikari,” katanya.

Projek perikanan di Puchong

Selain tanaman, projek perikanan turut dilaksanakan di Puchong untuk membekalkannya di pasaran tempatan.

Pada masa yang sama, 24 syarikat baru ditubuhkan graduan UPM dengan dipantau universiti itu sejajar usaha melatih usahawan muda dalam sektor pertanian.

“Program ini yang baru bermula pada tahun 2012 menjalankan pelbagai aktiviti pertanian termasuk tanaman tembikai ‘rock melon’ bertempat di tanah milik UPM. Selain itu projek ternakan ayam kampung juga diberi perhatian dalam program ini. Apa yang penting semua pihak yang terbabit meningkatkan usaha ke arah penghasilan produk pertanian berasaskan makanan yang tidak pernah putus pasarannya,” katanya.

Beliau berkata, ada banyak lagi projek dalam proses pelaksanaan sepanjang tahun ini dan seterusnya bagi memastikan sektor pertanian negara dikembangkan lagi pada masa depan.



UPM memberi fokus kepada pertanian sejajar sejarah penubuhannya.